

Khamis, 9 April 2020 | 4:43pm



Ahmad Azizi menunjukkan paket minyak masak yang cuba diseludup ke negara jiran. - Foto Nik Abdullah Nik Omar

## Cubaan seludup 170kg minyak masak gagal

Oleh Syaherah Mustafa  
bhnews@bh.com.my

**TANAH MERAH:** Cubaan menyeludup 170 kilogram minyak masak digagalkan selepas pihak berkuasa menahan sebuah kenderaan yang sudah diubah suai di Wakaf Zin, Ayer Lanas, Jeli, malam semalam.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal (KPDNHEP) Cawangan Tanah Merah, Ahmad Azizi Abdul Kadir, berkata pihak berkuasa membuat rondaan sebelum terserempak sebuah kereta Proton Saga dalam keadaan mencurigakan kira-kira jam 7.30 malam.

Katanya, selepas diberi arahan, pemandu itu menghentikan kenderaan namun melarikan diri sebelum anggota membuat pemeriksaan dan menemui minyak masak yang siap dipaket dalam kotak.



Beliau berkata, setiap kotak mengandungi 17 paket minyak masak dengan setiap paket adalah seberat satu kilogram.

"Hasil pemeriksaan mendapati, kereta terbabit juga digunakan bagi tujuan penyeludupan petrol kerana terdapat tangki minyak yang diubah suai dengan saiz yang besar selain dilengkapi saluran untuk memindahkan petrol yang diseludup.

"Semua bekalan minyak masak ini dipercayai dibawa dari luar Kelantan untuk diseludup ke negara jiran melalui pangkalan haram. Harga minyak masak yang lebih tinggi di negara berkenaan RM60 sekotak berbanding hanya RM42.60 bagi pasaran tempatan.

"Malah, suspek juga dipercayai individu sama yang melarikan diri selepas menyedari kehadiran anggota KPDNHEP pada 7 Mac lalu di sebuah stesen minyak di Bukit Bunga, di sini," katanya pada sidang media di pejabat KPDNHEP Cawangan Tanah Merah, di sini, hari ini.

Ahmad Azizi berkata, pihaknya akan terus menyiasat bagi menjejaki suspek terbabit dengan dibantu beberapa agensi lain.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana ada dalam milikan barang kawalan berjadual dalam syak yang munasabah untuk melakukan kesalahan mengikut peraturan 3(1) Peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana berurusan tanpa lesen sah.

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/04/675026/cubaan-seludup-170kg-minyak-masak-gagal>

